

# Kebajikan, kesihatan dan keselamatan pelajar keutamaan ketika tempoh PKP

**KUALA LUMPUR:** Fasa ketiga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memerlukan kerjasama lebih jitu setiap rakyat termasuk golongan penuntut universiti dalam usaha membendung serta memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Meskipun terdapat rayuan daripada para pelajar di institut pengajian tinggi awam dan swasta yang masih berada di kampus, rumah sewa atau kediaman peribadi yang lain untuk pulang ke kampung, kerajaan telah memutuskan supaya mereka terus kekal di universiti masing-masing.

Di Universiti Teknikal Melaka (UTeM), aspek kebajikan, kesihatan dan keselamatan menjadi keutamaan pihak pengurusan universiti kepada 2,027 pelajarnya yang tinggal di kolej kediaman dalam kampus serta rumah sewa sekitar negeri itu sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP fasa ketiga yang bermula 15 sehingga 28 April ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTeM, Prof Madya Dr Nurulfajar Abd Manap, berkata seperti PKP fasa satu dan dua, pemberian makanan secara percuma tiga kali sehari akan diteruskan bagi tempoh PKP fasa ketiga selain turut menyediakan makanan untuk sahur dan berbuka kepada pelajar sempena bulan Ramadhan yang akan bermula hujung minggu depan.

“Proses agihan makanan ini turut dibantu sukarelawan pelajar. Pelajar hanya perlu memasukkan maklumat di QR Code yang tertera di kafeteria setiap kali mengambil makanan yang disediakan. Pihak universiti turut mengedarkan bantuan makanan kering dan keperluan asas melalui Food Bank Siswa UTeM seperti biskut, roti, air minuman, pek mi segera, ubat gigi, sabun dan tuala wanita.

“Bagi pelajar luar kampus, bantuan makanan kering untuk memasak dan barang keperluan peribadi lain turut

diagihkan yang merupakan hasil sumbangan pelbagai pihak termasuk petugas universiti, agensi kerajaan dan swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), serta individu yang disalurkan melalui Tabung Bantuan Bencana UTeM,” katanya ketika dihubungi Bernama.

Nurulfajar berkata Pusat Kesihatan Universiti (PKU) turut dibuka bagi memberi perkhidmatan kesihatan kepada semua pelajar yang berada di kolej kediaman selain perkhidmatan kaunseling secara dalam talian untuk membantu pelajar yang mempunyai sebarang masalah emosi.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohd Roslan Sulaiman, berkata pihak pengurusan universiti sentiasa memantau keadaan pelajarnya yang berada di dalam dan luar kampus semasa tempoh PKP ini. — Bernama